

JAWAPAN

SINONIM DAN ANTONIM

Bil	Sinonim	Antonim
1		menambahkan
2	cergas	
3	teguh, kuat	lemah
4		hidup
5	gembira	sedih
6	resah	tenang
7	sifat, ciri-ciri	
8		hodoh
9	mengikuti	ingkar
10	perlahan	cepat
11	cepat	perlahan
12	beredar	
13	mengukuhkan	
14		lama
15		senang
16	mengindahkan	
17		elok
18		keburukan
19		kegagalan
20	pintar	bodah
21		berbayar
22		kerajaan
23		mahal
24	selalu	
25		terang
26	gembira	sedih
27	peduli	
28	menjauhkan	mendekati
29	mengikuti	melarang
30	menaikkan	menurunkan
31		merosakkan
32		mengotorkan

Bil	Sinonim	Antonim
33		sama
34	gembira	sedih
35		negatif
36		bahagia
37	risau	
38	sebentar	
39		goyah
40		berdiri
41	peduli	
42		renggang
43		masak
44	kacak	
45		perlahan
46	istimewa	
47	menghalang	
48		serius
49		bising
50		maksimum
51		ketawa
52	merenggut	
53		berhadapan
54		cuai
55		menyusahkan
56		manual
57	berhati-hati	
58	bimbang	
59	terbuka	tertutup
60	menolong	
61	rapat	
62	teguh	
63	gembira	
64	menjemput	

Bil	Sinonim	Antonim
65		perpaduan
66		layu
67		berbaik-baik
68	pesanan	
69	membahagikan	
70	bergaduh	berbaik
71		jarang
72		kemas
73	memupuk	
74	rehat	
75	faedah	
76		berbayar
77	aktif	
78	universiti	
79	terkenal	
80		terpilih
81	surat edaran	
82		terhina
83		meruntuhkan
84		jelik
85		sempit
86	irama	
87	tersekat	
88	pahlawan	
89	menyelidik	
90		dilupa
91	keistimewaan	
92	askar	
93		tumbuh
94	lambang	
95	iklan	
96		antarabangsa
97	menghapuskan	
98	terpaku	
99		cuai
100		negatif

Bil	Sinonim	Antonim
101	kecekapan	
102		manis
103		berjaya
104	menjemput	
105	tugas	
106	cara	
107		kelebihan
108		menambahkan
109		membazirkan
110	mengawal	
111	muka	
112		menurunkan
113	kecantikan	
114		tenang
115		lambat
116	tujuan	
117	berkesan	
118	faedah	
119		moden
120		menyusahkan
121		buatan
122		mengotorkan
123		cuai
124	kembang	
125	pemandangan	
126		memanaskan
127	terlekat	
128		takziah
129	lautan	
130		pertama
131		sukacita
132		dibazirkan
133	berhampiran	berjauhan
134		membanggang
135	dijemput	
136	isitimewa	

Bil	Sinonim	Antonim
137	habuan	
138		keruh
139		bahaya
140		landai
141		longgar
142		boros
143	cara	
144	keistimewaan	
145	bertuah	malang
146	faedah	
147		murah
148	iklan	
149	sedap	
150		menurun
151		kebencian
152	berpindah	
153		perlahan
154		kejian
155	peranan	
156		palsu
157		licin
158	beruntung	

Bil	Sinonim	Antonim
159		berbayar
160	menjemput	
161	penerangan	
162		lebat
163	dipegang	
164	berwibawa	
165		biadap
166		menjatuhkan
167	kegigihan	
168		kelebihan
169	cerdik	bodoh
170	menjemput	
171		garau
172		gelisah
173		hina
174		mengingkari
175	terkesan	
176		mengenepikan
177		selekeh
178	kebiasaan	
179		lengang
180		bohong

TEMA 1 **KEMASYARAKATAN**

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

1 Program ini dilancarkan untuk mengurangkan pembaziran bahan makanan dan membantu serta meringankan beban golongan yang tidak berupaya seperti golongan miskin, orang kurang upaya, penghuni rumah anak yatim dan penghuni rumah warga emas

2	Warga sekolah aktif mengumpulkan barangan keperluan untuk disalurkan kepada Gerobok Rezeki.	✓
	Program ini mendapat tentangan daripada ibu bapa.	✗

3 Saya akan mengumpulkan bahan-bahan makanan serta pakaian yang masih boleh dipakai dan salurkan ke Gerobok Rezeki.

Praktis 2

1 Program gotong-royong membersihkan kawasan perumahan.

2	Gotong-royong itu akan diadakan pada bulan hadapan.	✗
	Gotong-royong dapat mengeratkan hubungan antara penduduk setempat.	✓

3 Mengekalkan kebersihan kawasan persekitaran, memujuk kerjasama dan memudahkan tugas, mengeratkan hubungan dengan masyarakat setempat dan menjimatkan perbelanjaan atau kos penyelenggaraan.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

1 C 2 D 3 A

Praktis 2

- 1 – Sekolahnya terletak jauh dan terpencil di luar bandar
- 2 – Sukar mendapatkan bekalan air bersih
- 3 – Kekurangan kelas serta rumah guru
- 4 – Jumlah kehadiran murid berkurangan ketika banjir atau air sungai cetek

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 basikal
- 2 pensel
- 3 bunga
- 4 Kolam
- 5 Skru
- 6 padang
- 7 monyet

Praktis 2

- Farhana
- Cameron Highlands
- Mazda 2
- Stesen Minyak Petronas
- Hotel Equatorial
- Taman Lavender
- Kebun Strawberi Raju
- Sungai Palas
- Kuala Lumpur

Praktis 3

- 1 Kampung Desa Murni
- 2 Menara Kuala Lumpur
- 3 Sarjan Ali
- 4 Chef Ismail
- 5 Si Belang
- 6 Si Comel

Kemahiran Menulis

Praktis 1

*Hidup berjiran harus muafakat,
Teguhkan ikatan menjadi erat,
Segala sengketa jangan melarat,
Kelak hidup bertambah berkat.*

*Salah jiran usah dicaci,
Kelak dirimu bakal dibenci,
Jalinkan segera ikatan suci,
Barulah hidup lebih bererti.*

*Tolak ansur sabar sentiasa,
Agar jiran berasa selesa,
Mari amalkan setiap masa,
Supaya hidup aman sentosa.*

Praktis 1

Hari Raya Aidilfitri disambut dengan meriah di seluruh negara. Keluarga Azura menyambutnya dengan sungguh gembira. Mereka berkunjung ke rumah saudara-mara dan rakan taulan untuk merapatkan hubungan dan menjalinkan kemesraan.

Mereka juga menerima kehadiran tetamu di rumah mereka. Azura sekeluarga menyambut tetamu dengan mesra. Keluarga Ai Ming dan keluarga Rajesh telah berkunjung ke rumah Azura. Walaupun berlainan bangsa dan agama, ini tidak menghalang mereka daripada berkongsi kegembiraan pada musim perayaan.

Sebelum pulang semua tetamu menerima buah tangan daripada ibu bapa Azura. Mereka berasa gembira dan mengucapkan terima kasih atas pemberian itu. Ibu bapa Azura sangat baik dan hubungan mereka sangat rapat.

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

- (a) kesedaran
- (b) Perlu untuk memastikan keselamatan rumah dan harta benda.
- (c) melaporkan
- (d) Rumah perlu dikunci dan perlu dipasang alat keselamatan seperti rakaman litar tertutup (CCTV) (✓)

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1 Mengalami simptom yang berkait dengan keracunan makanan.

2	Keracunan makanan tidak boleh dirawat.	X
	Keracunan makanan disebabkan oleh virus atau bakteria.	✓

3 Memastikan kebersihan gerai/Penyediaan makanan yang bersih dan bertutup/Peniaga berpakaian bersih dan kemas, (memakai apron, menutup rambut dan kuku yang pendek)

Kemahiran Membaca

Praktis 1

PUNCA-PUNCA

- Faktor keturunan
- Pemakanan
- Kurang bersenam
- Persekitaran
- Faktor emosi (mana-mana yang sesuai)

LANGKAH-LANGKAH MENGATASI

- Elakkan snek yang tidak sihat
- Hadkan minuman ringan dan manis
- Meningkatkan aktiviti fizikal

Praktis 2

- 1 Penyakit – Sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit atau yang mengganggu kesihatan
- 2 Demam – Penyakit yang menyebabkan suhu tubuh melebihi suhu biasa
- 3 Cegah – Tegah, halang, mencegah, menghalang
- 4 Bertakung – Tidak mengalir, tergenang, tersekat
- 5 Penapis – Alat untuk menapis, penyaring
- 6 Lupuskan – Hapus, luput, hilang
- 7 Pemiakan – Perihal atau perbuatan membiak
- 8 Berhemah – Tinggi mempunyai budi pekerti yang mulia

Sistem Bahasa

Praktis 1

1 meningkatkan

- 2 menyambut
- 3 memberi
- 4 mengurangkan
- 5 menyelamatkan

Praktis 2

- | | |
|-----------------|------------|
| 1 menjawab | 5 membeli |
| 2 menebas | 6 menyepak |
| 3 menghidangkan | 7 membaiki |
| 4 menangkap | 8 membuka |

Praktis 3

- | | | |
|--------------|------------|---------|
| 1 menangis | 2 bersenam | 3 makan |
| 4 bersalaman | 5 menyanyi | |

Praktis 4

- | | | |
|------------|-------------|------------|
| 1 berjalan | 2 termenung | 3 menangis |
|------------|-------------|------------|

Praktis 5

- | | | |
|---------|-----------|-----------|
| 1 laju | 2 gembira | 3 lonjong |
| 4 rajin | 5 nipis | 6 cantik |

Praktis 6

- | | | |
|-----|-----|-----|
| 1 C | 2 B | 3 C |
| 4 B | 5 C | 6 C |

Kemahiran Menulis

GEJALA	TINDAKAN PENCEGAHAN	KAEDAH RAWATAN
1 Tidak berpeluh	1 Pastikan sentiasa terhidrat	1 Baringkan mangsa
2 Suhu badan meningkat	2 Elak tinggalkan kanak-kanak di dalam kereta	2 Bawa mangsa ke tempat sejuk
3 Kulit panas, kering dan merah	3 Pakaian terang, ringan dan longgar	3 Lap badan dengan tuala sejuk
4 Sakit kepala	4 Bermain di tempat teduh	
5 Nadi kuat dan laju	5 Kekal di dalam rumah	
6 Tidak sedarkan diri		

Praktis UASA

Bahagian C

Pencemaran udara dan masalah jerebu telah melanda negara kita. Keadaan ini akan mengganggu aktiviti harian kita. Apakah tindakan yang perlu kita lakukan semasa jerebu? Antara tindakan yang perlu kita lakukan ialah pertama kita perlu kerap minum air kosong supaya diri kita tidak kekurangan air dalam badan. Kedua, kita perlu memakai pelitup muka sekiranya perlu keluar dari rumah. Selain itu, kita hendaklah bermain di dalam rumah dan elakkan melakukan aktiviti di luar rumah. Seterusnya, kita dilarang membakar sampah kerana perbuatan itu akan membuatkan keadaan jerebu semakin teruk.

TEMA
3

KESELAMATAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1 Perkhemahan anjuran sekolahnya.

2	Aktiviti perkhemahan perlu dimaklumkan kepada pihak berwajib.	✓
	Aspek keselamatan tidak perlu diambil berat ketika melakukan aktiviti perkhemahan.	✗

3 Sentiasa mengikut arahan dan mengutamakan aspek keselamatan, sentiasa memakai jaket keselamatan dengan betul.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

SEKOLAH SELAMAT

CIRI-CIRI

- Memiliki khidmat pengawal keselamatan
- Pemasangan kamera litar tertutup
- Kemudahan alat pemadam api


TUJUAN

- mewujudkan persekitaran yang selamat untuk semua warga sekolah
- membuatkan warga sekolah merasa selamat untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan kokurikulum.

LANGKAH-LANGKAH

- Meningkatkan kawalan keselamatan
- Menyediakan pelan kecemasan
- Mempamerkan tanda amaran bahaya (mana-mana idea yang sesuai)

Praktis 2



Sistem Bahasa

Praktis 1

1 C 2 D 3 A 4 A
5 D 6 A 7 A 8 D

Praktis 2

1 agak
2 paling
3 sangat
4 terlalu
5 terlalu
6 sangat

Praktis 3

1 pewangi 5 berlari
2 bersenam 6 mencari
3 tersepak 7 terbaring
4 Penyanyi 8 dibawa

Praktis 4

1 karangan 5 Lautan
2 ambilkan 6 Mulai
3 Jauhi 7 Tujuan
4 besarkan 8 sebatan

Kemahiran Menulis

Praktis 1

1 cuba bertenang agar tidak panik
2 untuk menarik perhatian
3 berkomunikasi dengan sesiapa yang berada di dalam bilik kawalan
4 menunggu bantuan tiba

- 5 pintu lif secara paksa
- 6 melalui siling lif
- 7 oleh pihak bomba

Praktis 2

EJAAN	TANDA BACA	IMBUHAN
hidop – hidup	penderaan – Penderaan	petumbuhan – pertumbuhan
dari – daripada	emosi – emosi,	cuai – kecuaiian
serios – serius	pusat asuhan – pusat asuhan,	sekitar – persekitaran
masalah – masalah	antara – Antara	
pegendali – pengendali	guru – Guru	
saikolog – psikologi		

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

- (a) perbuatan
- (b) Saya akan berjumpa dengan murid tersebut untuk mendapatkan kepastian. Sekiranya benar, saya akan menasihati dan memintanya agar berhenti membuli orang lain. Jika keadaan berterusan saya akan melaporkan perkara tersebut kepada pihak sekolah.
- (c) memukul; menendang; mencuri; menyembunyikan; merosakkan; memaksa
- (d) Tujuan Tujuan membuli adalah untuk menyakiti individu lain sama ada dari segi fizikanl, mental atau emosi. (✓)

TEMA 4 PERPADUAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- 1 Terima kasih, Puan Fatin. Tentu sedap pencuci mulut ini.
- 2 Terima kasih Rajesh. Ibu dan kakak saya yang membuat pencuci mulut itu.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

KEBAIKAN-KEBAIKAN RUMAH TERBUKA

- Menikmati juadah pelbagai kaum
- Mengeratkan perpaduan
- Mengenali dan memahami budaya kaum lain
- Mengukuhkan perasaan kekitaan

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 berdekatan
- 2 menjatuhkan
- 3 permukaan
- 4 menyelamatkan
- 5 merehatkan
- 6 mengeluarkan
- 7 Kejadian
- 8 disedari
- 9 kesakitan
- 10 melarikan

Praktis 2

- 1 kesakitan
- 2 pedalaman
- 3 mengorbankan
- 4 meletakkan
- 5 penghormatan
- 6 pencemaran
- 7 mengakhiri
- 8 diberikan

Praktis 3

- 1 gemilang
- 2 kemetot
- 3 telapak
- 4 telunjuk
- 5 seruling
- 6 keruping
- 7 kelopak
- 8 cerucuk

Praktis 4

- 1 sinambung
- 2 selerak
- 3 gemuruh
- 4 semerbak
- 5 gerigi
- 6 gemerlap

Praktis 5

- 1 tengah hari
- 2 Jalan raya
- 3 terima kasih
- 4 kuning langsung
- 5 Bandar raya
- 6 alat tulis
- 7 kipas angin
- 8 luar biasa

Praktis 6

- | | |
|---------------|----------------|
| 1 pilihanraya | 5 Kakitangan |
| 2 olahraga | 6 sukarela |
| 3 kerjasama | 7 antarabangsa |
| 4 tandatangan | 8 matahari |

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Penggunaan Kata

Salah	Betul
daripada Bukit Mertajam	dari Bukit Mertajam
hubungan kami	hubungan mereka
disediakan	menyediakan

Penggunaan Struktur Ayat

Salah	Betul
mereka boleh hidup sekeluarga dengan harmoni.	mereka sekeluarga boleh hidup dengan harmoni.
rumahnya menjadi giliran tempat	rumahnya menjadi tempat giliran
Untuk keluarga besar yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa itu berkumpul ia amat bermakna.	Ia amat bermakna untuk keluarga besar yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa itu berkumpul.
memasak Melayu, India dan Cina pelbagai masakan.	memasak pelbagai masakan Melayu, India dan Cina.
disediakan juadah pelbagai	menyediakan pelbagai juadah

Praktis 2

- 1 Memorial Negarawan terletak di Jalan Dato Onn, Kuala Lumpur.
- 2 Tujuan pembinaan Memorial Negarawan adalah untuk memperingati dan mengenang segala jasa dan sumbangan tokoh-tokoh negarawan ini kepada bangsa dan negara.
- 3 Wajar, kerana jasa dan pengorbanan mereka terlalu besar. Walaupun mereka datang daripada latar belakang yang berlainan, mereka bekerja bersama bagi membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu penjajah.

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

- (a) Untuk melahirkan generasi Malaysia yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi yang unggul dan bersemangat muhibah.
- (b) Saya akan berkawan dengannya. Saya juga akan menggalakkannya supaya bergaul dengan rakan yang lain dan melakukan aktiviti bersama-sama.
- (c) Cikgu Nadiah; Mikael
- (d) RIMUP merupakan satu program khas dan bertujuan mengeratkan perpaduan antara murid pelbagai kaum. (✓)

Soalan 2

Saya akan memberikan galakan kepada Ai Ling agar berlatih bersungguh-sungguh. Saya juga akan membantu dalam latihan tersebut dan saya akan menghadiri pertandingan tersebut untuk memberi sokongan moral kepadanya.



JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- 1 Amirah telah memilih Sarawak sebagai tempat percutiannya bersama keluarga.
- 2 Sememangnya banyak tempat yang menarik di negara kita. (✓)
- 3 Saya akan memilih untuk bercuti ke Sabah kerana di Sabah terdapat banyak tempat menarik untuk dilawati dan boleh melakukan aktiviti yang menarik seperti menyelam, berenang, menaiki bot dan sebagainya.

Praktis 2

- 1 Kelab Sejarah akan mengadakan lawatan ke Melaka
- 2

Kota A Famosa dibina pada tahun 1511 sejak era penjajahan Belanda.	X
Muzium Istana Kesultanan Melaka merupakan sebuah replika Istana Sultan Melaka pada kurun ke-15.	✓

- 3 Menyertai program kenegaraan, mempelajari dan menghargai sejarah serta perjuangan tokoh terdahulu.

Kemahiran Membaca

Sultan melucut jawatan dan menuduh Dato' Bahaman sebagai pengkhianat.

Pengikut Dato' Bahaman membawa berita dari seberang.

British mahu membina balai polis di Lubuk Terua.

Dato' Bahaman mengumpulkan pengikutnya untuk menentang British.

Dato' Bahaman dan pengikutnya mengalahkan askar British di Sungai Semantan.

Dato' Bahaman dan pengikutnya berkubu di Sungai Kelubi.

Sistem Bahasa

Praktis 1

1 D 2 B 3 C 4 B

Praktis 2

- | | |
|-----------------|-----------------|
| 1 berat sebelah | 4 ringan tulang |
| 2 air muka | 5 anak emas |
| 3 campur tangan | |

Praktis 3

- | | |
|-------------|-----------------|
| 1 awal-awal | 5 marah-marah |
| 2 agar-agar | 6 jentik-jentik |
| 3 Rama-rama | 7 manis-manis |
| 4 lagu-lagu | 8 Anak-anak |

Praktis 4

- 1 barang-barangan
- 2 tawar-menawar
- 3 tolong-menolong
- 4 bantu-membantu
- 5 tumbuk-menumbuk
- 6 kacau-mengacau
- 7 kemerah-merahan
- 8 simpan-menyimpan

Praktis 5

- 1 calar-balar
- 2 saudara-mara
- 3 karut-marut
- 4 kaya-rayu

- 5 Gotong-royong
- 6 bengkok-bengkok
- 7 gunung-ganang
- 8 Lauk-pauk

Praktis 6

- 1 kusut-masai
- 2 kuih-muih
- 3 jongkang-jongkit

Kemahiran Menulis

- 1 Kuning – Warna diraja, kedaulatan Raja-Raja Melayu
- 2 Putih – Kesucian dan keluhuran hati rakyat dalam mengangkat nama negara ke persada dunia
- 3 Merah – Keberanian dan kesediaan dalam mengharungi segala jenis cabaran demi negara yang tercinta
- 4 Bintang Pecah 14 – Perpaduan 13 buah negeri dan 1 Wilayah Persekutuan
- 5 Simbol bulan dan bintang – Agama Islam sebagai agama persekutuan negara
- 6 Biru – Perpaduan rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum

Praktis UASA

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan kebaikan-kebaikan kempen kemasyarakatan. Antara kebaikan yang kita akan perolehi apabila kita melibatkan diri dalam kempen kemasyarakatan adalah seperti kita dapat memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain. Selain itu, menziarahi warga emas dan anak yatim akan melahirkan perasaan kasih sayang. Aktiviti kemasyarakatan seperti membuka kelas tambahan kepada anak-anak yang miskin dapat memcurahkan ilmu kepada anak bangsa. Aktiviti kemasyarakatan ini dapat membantu kita untuk mengisi masa terluang dengan perkara-perkara yang berfaedah.

Bahagian D

1 Hari Sukan Sekolah

Pendahuluan

hari Sabtu – sekolah saya telah mengadakan hari sukan – diadakan di padang sekolah yang luas

Isi 1

tiba di sekolah – menuju ke arah padang sekolah – riuh

seperti pasar, penuh sesak – khemah-khemah didirikan – dihiasi dengan reben-reben yang berwarna-warni

Isi 2

guru besar menyampaikan ucapan – para peserta akan bersemangat kejiranan – sedaya upaya – murid-murid berdiri tegak – menyanyikan lagu Negaraku

Isi 3

hari sukan pun bermula – aktiviti telah dilancarkan – acara lumba lari – lompat tinggi – lompat jauh – pemain-pemain bersemangat – mendapat tempat pertama – pertandingan

Isi 4

majlis penyampaian hadiah – piala-piala diberikan kepada pemenang – menasihati murid-murid supaya jangan hidung tinggi

Penutup

tamat pada pukul 1.00 petang – pulang ke rumah – gembira kerana inilah pengalaman yang amat dihargai

I Pendahuluan

format catatan harian – hari – tarikh – masa

Isi 1

berkumpul di dewan – mendengar taklimat tentang keselamatan – kami bergerak ke tempat unit uniform masing-masing

Isi 2

Pergerakan Puteri Islam – mendengar penerangan guru pemimpin – membahagikan kami ke dalam kumpulan

Isi 3

boleh berehat – bergegas ke kantin – bertukar-tukar makanan

Isi 4

menyambung semula latihan kawad kaki – mendenda murid yang melakukan kesilapan – sentiasa mendengar arahan – menang akan mewakili unit uniform dalam pertandingan mewakili sekolah

Penutup

berkumpul semula – beratur dengan tertib untuk pulang – berasa gembira kerana dapat menambah pengalaman yang baru

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Sifatnya ringan, kecil dan ringkas. Murid boleh mengulang kaji atau menyiapkan kerja sekolah dengan lebih selesa.
- | | |
|---|---|
| B-Beep dicipta untuk memudahkan guru mengawasi murid di luar kawasan sekolah. | X |
| B-Beep menggunakan aplikasi yang disambungkan dengan telefon bimbit menerusi Bluetooth. | ✓ |
- Penggunaan kamera litar tertutup yang banyak, peranti atau alat yang boleh mengesan dan berbunyi jika berlaku kecemasan.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

HAIWAN-HAIWAN LIAR YANG TERANCAM

- Harimau
- Dugong
- Penyu
- Tenggiling
- Gajah
- Seladang

Praktis 2

Perkataan	Makna
Pencakar langit	Bangunan yang bertingkat dan tinggi-tinggi
inspirasi	Ilham, bisikan hati
mercu	Bahagian tertinggi, puncak
tekstil	Barang tenun
ikonik	Mempunyai sifat atau menyerupai ikon
platform	Lantai yang ditinggikan sebagai satu tempat

Negara	UAE	Malaysia	China
---------------	-----	----------	-------

Bangunan Tertinggi	Burj Khalifa	Merdeka 118	Menara Shanghai
---------------------------	--------------	-------------	-----------------

Negara	Amerika Syarikat	Arab Saudi
---------------	------------------	------------

Bangunan Tertinggi	One World Trade Centre	Abraj al-Bait
---------------------------	------------------------	---------------

Sistem Bahasa

Praktis 1

1 Peluasan subjek

Zulia rajin membantu ibu

Peluasan predikat

Zulia membantu ibu memasak rendang ayam.

2 Peluasan subjek

Puan Mila suka menanam pokok bunga.

Peluasan predikat

Puan Mila menanam pokok bunga di halaman rumah.

3 Peluasan subjek

Pen biru itu kepunyaan saya.

Peluasan predikat

Pen itu kepunyaan saya yang dihadaiahkan oleh abang.

4 Peluasan subjek

Dira suka menyanyi lagu.

Peluasan predikat

Dira menyanyi lagu penyanyi kegemarannya.

5 Peluasan subjek

Puan Rosa gemar memasak juadah yang sedap.

Peluasan predikat

Puan Rosa memasak juadah yang sedap untuk tetamu istimewa.

Praktis 2

- 1 Ayah berehat di sofa sambil membaca surat khabar.
- 2 Lelaki yang berkaca mata itu guru saya.
- 3 Puan Fahimah dan Halina menjual kuih di hadapan sekolah.
- 4 Suzy yang baru belajar melayari Internet sedang mencari maklumat.

- 5 Amir mengutip daun kering lalu memasukkannya ke dalam plastik.
- 6 Hafizi tidak hadir ke sekolah kerana demam dan selesema.

Praktis 3

- | | |
|---------|----------|
| 1 Amboi | 5 Aduh |
| 2 Wah | 6 Aduhai |
| 3 Eh | 7 Cis |
| 4 Nah | 8 Syabas |

Praktis 4

- | | |
|----------|----------|
| 1 Usah | 5 Minta |
| 2 Jemput | 6 Tolong |
| 3 Jangan | 7 Harap |
| 4 Sila | 8 Sudi |

Kemahiran Menulis

- 1 yang memudahkan urusan pengguna atau pelanggan
- 2 dapat mengurangkan kesesakan
- 3 kad kredit, debit, e-wallet, tunai atau cek
- 4 boleh membeli tiket tanpa tunai
- 5 restoran menerima pesanan makanan tanpa perlu beratur di kaunter

Praktis UASA

Bahagian A

Soalan 1 hingga 3

- 1 C 2 D 3 B



KELESTARIAN ALAM

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- 1 C 2 A

Praktis 2

- 1 Memupuk kesedaran masyarakat untuk memelihara dan menjaga kebersihan pantai agar bersih, ceria dan selamat.

2	Sebanyak 200 kilogram sampah berjaya dikutip dan dibersihkan.	✓
	Seramai 100 orang peserta mengambil bahagian dalam program ini.	✗

- Meningkatkan ekonomi dan pendapatan negara, peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, menarik lebih ramai pelabur asing.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

BAHAN-BAHAN YANG BOLEH DIKITAR SEMULA

LOGAM

- Timah
- Gangsa
- Besi
- Komponen elektronik

PLASTIK

- Botol
- Bekas plastik
- Botol sabun

KERTAS

- Surat khabar
- Majalah
- Buku

Praktis 2

KESAN-KESAN BENCANA ALAM

- Kehilangan tempat tinggal
- Kemusnahan harta benda, haiwan, tanaman
- Kecederaan dan kematian
- Merosakkan alam semula jadi
- Pemendapan sungai
- Hakisan dan pencemaran alam sekitar

Sistem Bahasa

Praktis 1

- Rendang ayam dimasak oleh ibu.
- Barang-barang dipindahkan ke dalam stor oleh Azli.
- Murid-murid diarahkan supaya senyap oleh Cikgu Hasnizam.
- Kasut sekolah dibasuh oleh Joshua.
- Baju di ampaian dijemur oleh Balqis.
- Kereta baharu dibeli oleh ayah Shunita.

Praktis 2

- Anggota bomba menangkap ular sawa itu.
- Nenek menjahit baju itu.
- Cikgu Ismail memarahi Aidil kerana berkelakuan nakal.
- Si Tompok mengejar seekor tikus.

- Penduduk kampung mengecat surau itu.

Praktis 3

- Berbaju baharu Cikgu Zalina.
- Belajar setiap hari Roslan.
- Menjahit baju kurung Amira.
- Masih muda ibunya.
- Untuk si dia bunga mawar itu.
- Sedang bersenam murid-murid itu.

Praktis 4

- Pegawai tersebut masih belum sampai.
- Murid 5 Baiduri dari pusat sumber.
- Ibu saya ke pasar pagi tadi.
- Bayi itu menangis setiap malam.
- Puan Salmah sedang memasak nasi.

Praktis 5

	Ayat	Jenis Ayat
1	Surat itu daripada Salmi.	Ayat susunan biasa
2	Yang menangis itu Azie.	Ayat susunan songsang
3	Ke pasar malam kakak saya.	Ayat susunan songsang
4	Sangat peramah murid baharu itu.	Ayat susunan songsang
5	Ibu saudara saya seorang guru.	Ayat susunan biasa
6	Baju-bajunya belum berbasuh.	Ayat susunan biasa
7	Sudah saya bersihkan bilik itu	Ayat susunan songsang
8	Hadiah ini untuk siapa?	Ayat susunan biasa

Praktis 3

- 1 pemanis
- 2 hiasan
- 3 tarikan
- 4 pengusaha
- 5 peluang
- 6 menambah
- 7 menjual
- 8 Pemilik
- 9 memberitahu
- 10 pelanggan
- 11 memilih
- 12 ingini
- 13 asalkan
- 14 tersendiri
- 15 mencuba
- 16 bungkus

Praktis 4

- 1 Encik Izham mengusahakan penternakan lembu sejak setahun yang lalu.
- 2 Pendapatan bulannya mencecah RM30 ribu sebulan.
- 3 Kegiatan menternak ikan keli semakin popular dan mendapat tempat dalam kalangan pengusaha.
- 4 Semerbak bau kek cawan yang sedang dibakar oleh Fatin.
- 5 Hiasan yang sedang dibuatnya habis selarak apabila ditiup angin.
- 6 Jari telunjuk Azim terluka terkena pisau.

Praktis 5

Bebas	Mantap	Khusus	Kiasan
1 jam tangan	1 olahraga	1 Perdana Menteri	1 berat tulang
2 kanta lekap	2 warganegara	2 kertas kerja	2 pilih kasih
3 jalan raya	3 bumiputera	3 bandar raya	3 buah tangan
4 kapal terbang	4 matahari	4 kemas kini	4 makan angin
5 batu kapur	5 tandatangan	5 atur cara	5 kaki ayam

Praktis 6

- 1 Murid-murid sedang beratur untuk mengambil makanan.
- 2 Kuih-muih yang dijual di gerai Pak Hasan sudah kehabisan.
- 3 Puan Salima sedang sibuk melayani tetamu.
- 4 Adegan kejar-mengejar itu merupakan sebahagian daripada babak dalam drama.
- 5 Keadaan di kawasan taman itu huru-hara apabila berlaku kebakaran.
- 6 Ibu menunjukkan cara-cara membuat kuih tepung pelita kepada kakak.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Pengguna bijak ialah pengguna yang mempunyai ilmu tentang asas-asas kepenggunaan. Sebagai pengguna, mereka perlu sedar mereka mempunyai hak-hak tertentu yang boleh dipertahankan melalui saluran yang telah ditetapkan. Pengguna yang tidak sedar akan hak-haknya mudah ditipu oleh peniaga.

Pengguna harus mengetahui cara membeli sesuatu barangan agar tidak mudah tertipu. Contohnya seperti melihat tarikh luput, meneliti kualiti barangan dan sebagainya. Pengguna perlu bijak untuk membandingkan harga yang berpatutan untuk mengelakkan diri daripada ditipu atau membayar harga lebih tinggi.

Sebagai pengguna bijak, keupayaan mengawal nafsu ini penting agar kita dapat membezakan antara keperluan dan kehendak. Membeli barang yang tidak perlu hanya mengundang pembaziran, seterusnya menjejaskan ekonomi keluarga yang sepatutnya boleh digunakan untuk perkara-perkara yang bermanfaat. Berbelanja menurut kemahuan atau bermewah-mewah juga menyebabkan seseorang itu mudah terjerat kepada budaya berhutang.

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

- (a) individu yang tidak dikenali
- (b) (i) Beli daripada platform yang dipercayai.
(ii) Jangan muat turun aplikasi dari sumber yang tidak sah.
- (c) komputer
- (d) Wang mangsa dipindahkan daripada akaun bank mangsa kepada akaun bank yang tidak dikenali tanpa disedari oleh mangsa. (✓)

Soalan 2

Aiman perlulah menyimpan duit lebihannya ke dalam tabung supaya Aiman boleh menggunakan duit tersebut apabila berlaku kecemasan seperti perlu membeli peralatan sekolah, atau tiba-tiba tidak mencukupi duit untuk berbelanja.

TEMA
9

INTEGRITI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1 Calon bagi anugerah Tokoh Murid Cemerlang ialah seramai tiga orang.

2	Amsyar merupakan salah seorang calon Tokoh Murid Cemerlang.	✓
	Amsyar menjadi penolong ketua kelas ketika di tahap 1.	✗

3 Memiliki sahsiah dan akhlak yang terpuji, cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum. Selain itu, mampu memimpin serta menjadi contoh kepada murid lain dan sentiasa bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Kemahiran Membaca

CARA-CARA MENJAGA KEMUDAHAN AWAM

- 1 Memberi keutamaan kepada golongan yang memerlukan
- 2 Guna mengikut peraturan dan menjaga kebersihan
- 3 Melaporkan kepada pihak berkaitan jika ada kerosakan
- 4 Tidak menconteng atau merosakkan kemudahan awam

Sistem Bahasa

Praktis 1

1 Peluasan subjek

Puan Nora baru menjadi rakan sekerja Puan Diana.

Peluasan predikat

Puan Nora rakan sekerja Puan Diana di bahagian pengurusan.

2 Peluasan subjek

Pengawas sekolah mengadakan lawatan.

Peluasan predikat

Pengawas mengadakan lawatan ke Pusat Sains Negara.

3 Peluasan subjek

Zahra berminat membeli kain sutera.

Peluasan predikat

Zahra membeli kain sutera yang halus buatannya.

Praktis 2

- 1 Wah, besarnya rumah kamu Anis!
- 2 Amboi, hendak ke mana kamu dengan berpakaian cantik?
- 3 Aduh, sakitnya kakiku!
- 4 Cis, pantang diriku mengalah sebelum berjuang!
- 5 Minta perhatian, semua murid dikehendaki masuk ke dalam kelas.
- 6 Jangan buang sisa makanan ke dalam sinki.
- 7 Tolong hormati perasaan keluarga mangsa.
- 8 Usah kamu berpura-pura tidak mengetahui perkara tersebut.

Praktis 3

- 1 Kucing yang sakit itu dibawa ke klinik haiwan oleh Farhan.
- 2 Gambar pemandangan di papan putih dilukis oleh Cikgu Rozita.
- 3 Razif dicadangkan sebagai pengerusi Kelab Seni Visual oleh Kamila.
- 4 Farhan menghabiskan nasi lemak itu.

Praktis 4

- 1 Sungguh nakal perangai murid itu.
- 2 Sudah rosak agaknya televisyen ini.
- 3 Sedap sekali masakan ibu.
- 4 Akan menyampaikan ucapan guru besar.
- 5 Sudah tidak berguna lagi penyesalannya.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Dalam kesibukan menghantar pesanan makanan pelanggan, seorang penghantar makanan masih sempat menghulurkan pertolongan apabila terserempak dengan individu yang dalam kesusahan sekalipun tidak mengenali individu yang dibantu. Penghantar makanan tersebut sempat membelikan makanan dan minuman kepada dua beranak yang tersadai di tepi jalan kerana kereta mereka mengalami kerosakan.

Pemandu berkenaan Asyraf Hamzah memberitahu dia sedang dalam perjalanan dari Bangsar menuju ke rumahnya di Damansara bersama anak lelakinya. Dalam perjalanan, keretanya mengalami kerosakan.

Asyraf meminta anaknya keluar dan berada di tempat selamat di tepi jalan, sementara menunggu mekanik. Pada waktu itulah penghantar makanan datang dan menghulurkan makanan dan minuman.

Terharu dan terkejut dalam masa yang sama, lelaki berusia 34 tahun ini berkata dia sempat menawarkan untuk membayar semula harga makanan yang diberikan namun penghantar makanan berkenaan menolak kerana berniat ikhlas untuk membantu. Menurut Asyraf dia bersyukur kerana masih ramai insan yang prihatin dan baik hati dan sanggup membantu orang lain yang dalam kesusahan.

Praktis UASA

Bahagian C

Ramai yang ingin menjadi murid yang cemerlang. Namun, sesetengah murid masih tidak tahu cara-cara untuk menjadi murid yang cemerlang. Terdapat beberapa cara untuk menjadi murid yang cemerlang. Antaranya ialah mempunyai sikap yang baik iaitu boleh menilai antara yang baik dan yang buruk serta bermoral dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Cara yang kedua ialah murid yang cemerlang ialah murid yang rajin. Mereka perlu rajin dalam semua aspek terutamanya rajin mengulang kaji pelajaran. Selain itu, berdisiplin juga merupakan salah satu cara untuk menjadi murid yang cemerlang. Akhir sekali, murid yang cemerlang perlulah menghormati ibu bapa dan guru kerana merekalah yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar.

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 1 (UBSA 1)

Bahagian A

1 A 2 C 3 A 4 B 5 B
6 C 7 B 8 B 9 C 10 C

Bahagian B

- I (a) buli siber
(b) Tujuan buli siber dilakukan adalah untuk memalukan, mengancam atau menakutkan seseorang.

(c) akan

(d) Orang ramai diingatkan oleh Encik Faris agar tidak berkongsi data peribadi mereka dalam Internet.	✓
Encik Faris dilarang berkongsi data peribadi kepada orang ramai dalam Internet.	

- 2 Tindakan yang perlu dilakukan oleh Zarul ialah menghubungi kawannya untuk memberitahu bahawa dia tidak akan keluar bermain badminton kerana cuaca mendung. Selain itu, Zarul haruslah memberitahu kawannya tentang pentingnya menjaga keselamatan diri dengan tidak keluar rumah apabila guruh berbunyi. Zarul juga mestilah menutup semua suis elektrik di rumahnya untuk mengelakkan berlakunya litar pintas akibat guruh yang kuat.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara menjaga kesihatan gigi. Kita haruslah memberus gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari atau setiap kali selepas makan. Tindakan ini penting untuk memastikan tiada sisa makanan pada gigi dan gigi kita sentiasa bersih serta sihat. Selain itu, kita hendaklah berjumpa dengan doktor gigi sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pemeriksaan gigi penting supaya masalah gigi seperti gigi yang rosak atau sakit dapat dirawat oleh doktor. Kesimpulannya, kita mestilah sentiasa menjaga kesihatan gigi.

Bahagian D

- I Pada hari Sabtu yang lalu, Jordy dan rakannya menyertai Program Gotong-royong Madani. Tujuan gotong-royong tersebut diadakan adalah untuk membersihkan sungai di kampung mereka. Sungai itu telah kotor dan tercemar.

Sebelum aktiviti membersihkan sungai bermula, Encik Ahmad selaku ketua kampung telah menerangkan tugas yang perlu dilakukan oleh mereka yang hadir pada pagi itu. Selepas itu, barulah mereka memulakan tugas sambil membawa peralatan masing-masing. Jordy dan rakannya membawa plastik sampah sambil mengutip sampah yang bertaburan di kawasan sungai.

Pak Cik Hassan dan Pak Cik Othman pula mengeluarkan sampah dari dalam sungai. Kelihatan plastik sampah dan bahan-bahan terbang terapung pada permukaan air sungai. Keadaan ini menyebabkan air sungai itu kotor dan berbau busuk.

Sementara itu, Caleb dan abangnya mengeluarkan kayu dan ranting-ranting pokok dari sungai. Mereka melakukan kerja tersebut dengan berhati-hati. Kayu dan ranting-ranting pokok itu telah menyebabkan aliran sungai tersekat.

Gotong-royong itu tamat pada jam 12.30 tengah hari. Penduduk kampung berasa gembira kerana sungai di kampung mereka kembali bersih. Sebelum bersurai, Encik Ahmad telah mengingatkan penduduk kampung agar tidak membuang sampah sarap ke dalam sungai dan sentiasa menjaga kebersihan sungai kampung mereka.

No. 11, Jalan Bulan
Pegari,
Kampung Sungai Kuala,
94850 Sebuyau,
Sarawak.

15 Mac 2026

Ke hadapan sahabatku, Akmal yang berada di Perak. Semoga saudara berada dalam keadaan sihat dan ceria selalu. Saya sekeluarga di sini sihat sahaja. Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi cerita tentang aktiviti saya semasa cuti persekolahan yang lalu. Untuk pengetahuan saudara, saya telah menyertai Program Gotong-royong Madani. Gotong-royong itu bertujuan membersihkan sungai di kampung saya yang telah tercemar.

Saya dan abang telah ditugaskan untuk mengutip sampah di kawasan sungai. Kami berjalan di sekitar sungai sambil mengutip sampah sarap yang bertaburan di situ. Sampah sarap itu kami masukkan ke dalam plastik untuk dihantar ke tempat pembuangan sampah.

Memandangkan keadaan di sungai dipenuhi sampah sarap dan sisa terbuang, penduduk kampung juga telah bergotong-royong mengeluarkan bahan tersebut. Ada yang mengeluarkan plastik-plastik sampah, kayu dan ranting-ranting pokok dari sungai. Sungai di kampung saya kembali bersih selepas gotong-royong itu.

Sampai di sini sahaja coretan saya pada kali ini. Saya berharap agar saudara dapat berkongsi aktiviti saudara di sana pula. Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Rais Aziras

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

Bahagian A

1 B 2 B 3 C 4 B 5 C
6 C 7 C 8 B 9 B 10 B

Bahagian B

- 1 (a) ayahnya
(b) Ibu Haris berpesan agar Haris belajar bersungguh-sungguh.
(c) keselamatan

(d) Ibu Haris memberitahu bahawa dia hendak merawat orang yang sakit.	
Haris memberitahu ibunya bahawa dia hendak merawat orang yang sakit.	✓

- 2 Tindakan yang perlu dilakukan oleh Aziras ialah segera menghidupkan suis lampu luar rumahnya agar keadaan di luar rumahnya itu cerah dan memudahkan

dia melihat kawasan tersebut. Selain itu, Aziras hendaklah memberitahu ibunya tentang kejadian tersebut. Dia juga perlu menghubungi jirannya untuk memberitahu hal tersebut dan mendapatkan bantuan sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara memupuk perpaduan. Sebagai masyarakat yang berbilang kaum dan agama, kita haruslah mengamalkan sikap hormat-menghormati. Sikap ini dapat mengelakkan berlakunya perselisihan faham dan membentuk perpaduan. Selain itu, amalan kunjung-mengunjungi juga dapat memupuk perpaduan antara kaum. Contohnya mengunjungi rakan atau jiran tetangga ketika perayaan. Amalan seperti ini dapat mengeratkan hubungan sekali gus memupuk semangat perpaduan. Kesimpulannya, perpaduan sangat penting dan harus dkekalkan demi keamanan negara.

Bahagian D

- 1 Hujan masih turun dengan lebatnya sejak semalam. Keadaan ini menyebabkan Kampung Pangkalan Nipah dilanda banjir kilat. Penduduk kampung mulai risau.

Beberapa buah rumah sudah dinaiki air. Oleh itu, penduduk di Kampung Pangkalan Nipah diarahkan berpindah ke tempat yang selamat. Beberapa orang penduduk kampung telah meredah banjir sambil menjunjung barang-barang penting dan berharga.

Pasukan bomba dan penyelamat juga mula bertugas membantu memindahkan mangsa banjir. Di bot pasukan bomba, kelihatan sebuah keluarga bersama barang masing-masing. Keluarga tersebut akan dibawa ke pusat pemindahan sementara.

Sementara itu, seorang lelaki yang kelihatan uzur pula sedang melangkah masuk ke bot dengan bantuan pegawai bomba. Kesemua mangsa banjir itu akan diberi bantuan makanan, ubat-ubatan, pakaian dan sebagainya.

Semua mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing setelah banjir surut. Penduduk Kampung Nipah berharap agar kejadian banjir kilat tidak melanda lagi. Banyak harta benda rosak dan musnah akibat banjir tersebut.

- 2 SAMARAHAN, 10 APRIL 2026 – Hujan lebat selama dua hari berturut-turut telah menyebabkan Kampung Kuala Gong dilanda banjir kilat. Beberapa buah rumah telah dinaiki air.

Penduduk kampung telah diarahkan oleh pasukan bomba dan penyelamat untuk berpindah ke tempat yang selamat. Pasukan bomba dan penyelamat telah mula bertugas membantu memindahkan mangsa banjir.

Sebuah keluarga telah dipindahkan oleh pasukan bomba dan penyelamat ke pusat pemindahan

sementara. Selain itu, pasukan ini turut membantu memindahkan penduduk kampung yang uzur. Barang-barang yang penting turut dibawa oleh mereka.

Sementara menunggu bantuan, ada juga penduduk kampung meredah banjir sambil membawa barang-barang penting dan berharga. Mereka menuju ke tempat yang selamat.

Semua mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing setelah banjir surut. Penduduk Kampung Kuala Gong berharap agar kejadian banjir kilat tidak melanda lagi. Mereka sedih kerana banyak harta benda rosak dan musnah akibat banjir tersebut.

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 2 (UBSA 2)

Bahagian A

1 D 2 D 3 C 4 D 5 C
6 C 7 C 8 D 9 A 10 C

Bahagian B

- 1 (a) datuknya
(b) Hendak bertanya tempat Adam dan Haikal mahu pergi dan menawarkan untuk menghantar mereka agar; yang
(c) agar; yang
(d)

Adam mengucapkan terima kasih kepada Pak Cik Man dan memberitahu bahawa dia dan sepupunya sudah membeli tiket bas.	✓
Adam mengucapkan terima kasih kepada Pak Cik Man kerana sudah membeli tiket bas untuk mereka.	

- 2 Tindakan yang perlu dilakukan oleh Adel ialah mengajak Huda makan bersama makanan yang dibelinya di kantin tersebut. Selain itu, sekiranya Adel membawa wang yang lebih dia boleh meminjamkan wangnya itu kepada Huda untuk membeli makanan.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara berjimat cermat. Contohnya, sebagai murid, kita hendaklah mengamalkan sikap membawa bekal makanan dan minuman ke sekolah. Apabila kita membawa bekal makanan ke sekolah, kita dapat menjimatkan wang, iaitu tidak perlu membeli makanan dan minuman di kantin. Selain itu, kita haruslah menanam sayur-sayuran di kawasan rumah atau di kebun. Oleh itu, kita tidak perlu membeli sayur-sayuran di pasar dan langkah ini juga dapat menjimatkan perbelanjaan.

Bahagian D

- 1 Pada hari Sabtu yang lalu, Sekolah Kebangsaan Taman Mahkota mengadakan gotong-royong keceriaan sekolah. Aktiviti ini melibatkan semua murid tahap dua, guru-guru dan ibu bapa. Mereka

hadir ke sekolah seawal jam 8.00 pagi.

Sebelum gotong-royong itu bermula, Encik Syazwan selaku guru keceriaan sekolah memberikan sedikittaklimat. Menurut Encik Syazwan, objektif utama gotong-royong itu adalah untuk menceriakan taman mini sekolah. Beliau juga telah menerangkan tentang tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh mereka yang hadir pada pagi itu.

Sekumpulan murid bersama ibu masing-masing sibuk menanam bunga di dalam pasu. Kumpulan guru lelaki pula mengangkat dan menyusun pasu bunga tersebut di taman mini sekolah. Taman mini itu kelihatan ceria dan cantik setelah dihiasi dengan bunga yang berwarna-warni.

Selain itu, persekitaran taman mini tersebut juga kelihatan bersih. Rumput-rumput yang panjang telah dipotong oleh bapa-bapa murid. Mereka menggunakan mesin pemotong rumput yang disediakan oleh pihak sekolah.

Gotong-royong itu selesai pada jam 12.00 tengah hari. Semua yang hadir menikmati makanan tengah hari sebelum mereka pulang ke rumah masing-masing.

2

Sabtu, 21 Mac 2026

8.00 Pagi

Murid-murid, guru-guru dan ibu bapa mula berkumpul di Dewan Sekolah Kebangsaan Tanjung Apong untuk menyertai program gotong-royong keceriaan sekolah. Encik Zaki, Guru Keceriaan sekolah menyampaikan sedikit taklimat tentang tugas yang perlu dilakukan pada pagi itu.

8.30 Pagi

Aktiviti gotong-royong keceriaan sekolah bermula. Peserta gotong-royong melakukan tugas mengikut kumpulan masing-masing. Murid-murid perempuan bersama ibu mereka menanam anak-anak pokok bunga ke dalam pasu. Anak-anak pokok bunga itu merupakan sumbangan ibu bapa murid.

9.30 Pagi

Beberapa orang peserta lelaki mula mengangkat pasu-pasu yang berisi bunga. Mereka menyusun pasu-pasu bunga itu di taman mini sekolah. Taman mini itu kelihatan cantik dan ceria apabila dihiasi bunga yang berwarna-warni.

10.30 Pagi

Sekumpulan peserta lelaki bergotong-royong memotong rumput yang tumbuh di taman mini sekolah. Mereka juga memotong rumput dikawasan pagar taman mini itu menggunakan mesin pemotong rumput.

12.30 Tengah hari

Gotong-royong keceriaan sekolah telah selesai. Sebelum bersurai, semua peserta gotong-royong itu menjamu selera di dewan sekolah. Walaupun penat,

mereka berasa gembira kerana Taman Mini Sekolah Kebangsaan Tanjung Apong kelihatan cantik, ceria dan bersih.

UJIAN AKHIR TAHUN SESI AKADEMIK (UASA)

Bahagian A

1 D 2 D 3 D 4 D 5 A
6 B 7 B 8 B 9 C 10 D

Bahagian B

- 1 (a) merah dan berair
(b) Jarak buku dengan mata ketika membaca adalah antara 30 hingga 40 sentimeter.
(c) terlalu
(d)

Doktor Husni, iaitu pakar mata kemudiannya memeriksa mata Sofea.	✓
Doktor Husni kemudiannya bersama pakar mata memeriksa mata Sofea.	

- 2 Tindakan yang perlu dilakukan oleh Frisyana ialah menasihati Flora agar tidak hanya makan ayam goreng dan nasi sebaliknya perlu makan sayur-sayuran dan buah-buahan untuk kesihatan badan. Selain itu, Frisyana haruslah menerangkan kepada Flora tentang kepentingan makan makanan seimbang yang mengandungi vitamin seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara menghormati ibu bapa. Cara yang pertama ialah kita mestilah bercakap lemah lembut dengan ibu bapa. Contohnya, ketika berbual kita menggunakan bahasa yang baik, bersopan santun dan tidak meninggikan suara supaya tidak menyinggung perasaan ibu bapa. Seterusnya, kita hendaklah mentaati perintah ibu bapa. Contohnya, mendengar perintah ibu bapa untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara atau perbuatan yang tidak baik.

Bahagian D

- 1 Pada hari Ahad yang lalu, Sekolah Kebangsaan Taman Kenyalang mengadakan Hari Kantin Sekolah. Program ini diadakan adalah untuk mengumpul dana bagi membantu murid-murid yang menjadi mangsa banjir.

Sebelum program itu bermula, murid-murid dan guru-guru bekerjasama mendirikan gerai jualan. Gerai-gerai itu juga dihias oleh mereka dengan belon dan hiasan yang menarik. Kerusi dan meja juga disediakan sebagai tempat duduk untuk tetamu yang hadir.

Terdapat pelbagai gerai yang dibuka semasa Hari Kantin Sekolah. Antaranya gerai menjual minuman,

makanan, sayur-sayuran, buah-buahan, alat tulis dan barangan cenderamata.

Rina dan rakannya sibuk melayan pelanggan yang datang ke gerai minuman mereka. Dani dan Farhan pula melayan pelanggan yang membeli makanan di gerai mereka. Sementara itu, guru-guru perempuan berkunjung ke gerai sayur-sayuran untuk membeli sayur-sayur yang segar.

Suasana pada hari itu sungguh meriah. Murid-murid berasa sangat gembira kerana jualan mereka mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung yang hadir. Mereka juga mendapat pengalaman dan kemahiran baru sebagai peniaga.

2

LAPORAN HARI KANTIN SEKOLAH, 2026

Pada 15 Jun 2026 yang lalu, Persatuan Matematik Sekolah Kebangsaan Taman Bestari mengadakan Hari Kantin Sekolah, 2026. Program ini melibatkan semua murid, guru dan ibu bapa.

Tujuan Hari Kantin ini diadakan adalah untuk mengumpul dana bagi membaiki kemudahan sekolah yang rosak. Selain itu, program ini dapat memberi pendedahan kepada murid tentang asas peniagaan dan memupuk sikap kerjasama antara mereka.

Terdapat pelbagai gerai jualan pada hari tersebut. Contohnya, gerai minuman, makanan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Di samping itu, terdapat juga gerai barangan cenderamata dan alat tulis.

Ramai pengunjung yang hadir semasa Hari Kantin tersebut. Murid-murid sibuk melayan pelanggan yang hadir di gerai mereka. Gerai menjual minuman, makanan dan sayur-sayuran mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung.

Hari Kantin itu tamat pada jam 2.00 petang. Murid-murid berasa seronok kerana barang jualan mereka habis dibeli oleh pengunjung yang hadir pada hari itu.

Laporan disediakan oleh,

16 JUN 2026

Hana Ashmeerah

(HANA ASHMEERAH BINTI ZAIN)

Setiausaha,

Persatuan Matematik,

Sekolah Kebangsaan Taman Bestari.